

21/07/1998

Tukar syarat tanah dipercepat

Rasid Rahaman

KLANG, Isnin - Kerajaan Selangor akan meluluskan tukar syarat tanah untuk projek pembangunan dan perumahan di negeri ini dalam tempoh beberapa minggu atau selewat-lewatnya sebulan, berbanding tiga hingga enam bulan sebelum ini.

Langkah itu diambil bagi memastikan projek pembangunan dapat dilaksanakan segera dalam usaha membantu memulihkan ekonomi negara.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata kerajaan negeri memang berusaha meluluskan tukar syarat tanah bagi projek terbabit seberapa segera yang boleh.

"Untuk itu, pada masa ini kerajaan negeri sudah melaksanakan kelulusan tukar syarat tanah dalam beberapa minggu untuk projek pembinaan rumah kos rendah.

"Semua permohonan projek itu dikemukakan terus oleh pemaju kepada pejabat Menteri Besar," katanya selepas merasmikan bangunan baru Sekolah Sri Lethia di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Kemanusiaan dan Usahawan, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad.

Beliau berkata, bagi projek pembangunan lain, kerajaan negeri akan mengubah suai beberapa perkara berkaitan bagi membolehkan tukar syarat tanah itu diluluskan segera.

"Kita akan bincangkan perkara ini dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco) pada masa akan datang.

"Kita akan merangka beberapa prosedur tertentu bagi membolehkan kelulusan dipercepatkan," katanya.

Abu Hassan mengakui sebelum ini permohonan tukar syarat tanah daripada pemaju dibuat beberapa peringkat sehingga mengambil masa antara tiga dan enam bulan sebelum diluluskan.

"Dalam keadaan ekonomi sekarang, kita tidak boleh mengamalkan prosedur itu lagi kerana ia membantutkan usaha menangani ekonomi negara," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar, Sabtu lalu mengenai agensi kerajaan negeri diarah menghapuskan kerenah birokrasi dengan mempercepatkan permohonan bagi setiap projek pembangunan dalam usaha membantu membaik pulih ekonomi negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ting Chew Peh, dipetik sebagai berkata, isu kelewatan meluluskan permohonan projek atau mendapatkan lesen ada dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini dan mendapat perhatian serius Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)